

KURSUS PENINGKATAN PROFESIONALISME RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) KEMENTERIAN PELANCONGAN & KEBUDAYAAN MALAYSIA

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Pelaksanaan Kursus Peningkatan Profesionalisme Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) KPK mensasarkan ahli-ahli AKRAB Kementerian dan Agensi sebagai peserta kursus.
- 1.2 Melalui kursus ini, para peserta akan diberikan pendedahan mengenai kemahiran lanjutan untuk meningkatkan profesionalisme sebagai ahli AKRAB dalam menyampaikan perkhidmatan kaunseling kepada warga Kementerian.

2. OBJEKTIF KURSUS

Kursus ini dilaksanakan bertujuan untuk:

- 2.1 Memberikan pendedahan kemahiran lanjutan kepada ahli-ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Kementerian dan Agensi;
- 2.2. Memupuk kerjasama dan semangat kekitaan di kalangan ahli AKRAB Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia ke arah mengamalkan budaya kerja berpasukan dan berprestasi tinggi;
- 2.3 Mewujudkan “networking” di kalangan ahli AKRAB agar dapat berganding bahu dalam setiap program yang dirancangkan ke arah mencapai matlamat seperti yang diharapkan; dan
- 2.4 Berkongsi pengalaman, kemahiran dan ilmu pengetahuan. Seterusnya dapat berfungsi dan berperanan membantu pegawai/staf yang berdepan dengan masalah harian dengan lebih berkesan lagi.

3. PELAKSANAAN KURSUS

3.1 Tarikh, Masa Dan Tempat

Kursus ini telah dilaksanakan pada:

Tarikh : 6 hingga 9 April 2014 (Ahad – Rabu)
Masa : 8.30 pagi hingga 10.00 malam
Tempat : Sutra Beach Resort, Kuala Terengganu Terengganu

3.2 Peserta Terlibat

Seramai 33 peserta telah mengikuti kursus dengan pecahan aitu sebanyak 9 ahli AKRAB lelaki dan 22 ahli AKRAB perempuan.



